

Pemikiran Ekonomi Syeikh Daud al-Fatani

Hadenan Bin Towpek^{1*}

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
Universiti Teknologi MARA Sarawak, Malaysia

*Pengarang Penghubung
hadenan74@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furu' al-Masa'il* dan relevansinya dengan kontrak perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini mempunyai lima objektif, iaitu menerangkan biografi pengarang; mengenalpasi konsep pemikiran ekonomi Islam dan potensi ulama Melayu sebagai pemikir ekonomi; merumuskan perbincangan mengenai kontrak muamalat dalam kitab *Furu' al-Masa'il*; mengenalpasi amalan kontrak muamalat dalam perbankan Islam di Malaysia; dan menganalisis relevansi kontrak muamalat Syeikh Daud al-Fatani dengan amalan kontrak perbankan Islam di Malaysia. Kajian ini menghasilkan lima dapatan. Pertama, kehebatan dan keistimewaan tokoh ini bersumberkan aspek *rihlah 'ilmiyyah* dan aspek kepengarangan. Kedua, bidang pemikiran ekonomi Islam adalah berasaskan landasan ijtihad, dan kemantapan idea dan kebijaksanaan sarjana. Ketiga, kemantapan kitab *Furu' al-Masa'il* pada bab muamalat. Keempat, asas kekuatan muamalat perbankan Islam di Malaysia adalah dari aspek penubuhan institusi perbankan Islam itu sendiri, dan doktrin menolak *riba* serta mengembang akad muamalat. Kelima, analisis relevansi akad muamalat Syeikh Daud al-Fatani dengan amalan akad muamalat perbankan Islam Malaysia dapat dirumuskan kepada aspek kefahaman dan definisi, dan aspek aplikasi.

Kata kunci: Syeikh Daud al-Fatani, Pemikiran ekonomi Islam, *Furu' al-Masa'il*, Kontrak perbankan Islam

ABSTRACT

This study is on economic thought of Syeikh Daud al-Fatani in *Furu' al-Masa'il* and its relevance to the Malaysian Islamic banking contracts. The study aimed at achieving five objectives namely to explain his biography; to identify the concept of Islamic economic thinking and the potential of Malay scholars as economic thinkers; to conclude discussions on the contract of muamalat in *Furu' al-Masa'il*; to identify the muamalat contract practices in Islamic banking in Malaysia; and to analyze the relevance of his thought to the practice of the

Malaysia Islamic banking contracts. This study identified several findings. First, greatness of the author is attributed to his journey of knowledge and his authorship. Second, Islamic economic thought is founded on *ijtihad*, and intellectual thought of the scholars. Third, the strength of *Furu' al-Masa'il* is in muamalat. Fourth, the strength of muamalat practice in Malaysian Islamic banking is attributable to the establishment of Islamic banking itself, rejection of usury and development of muamalat contracts. Fifth, the relevance of Syeikh Daud al-Fatani's muamalat contract to the practice of the Malaysian Islamic banking is in the aspects of definition, understanding, and application.

Keywords: Syeikh Daud al-Fatani, Islamic economic thought, *Furu' al-Masa'il*, Islamic banking contracts

1. Pengenalan

Pemikiran ekonomi Islam merupakan suatu proses *ijtihad* para ahli fikir Islam berpandukan sumber-sumber hukum Islam dan sumber-sumber sokongan yang lain, bagi mencari jalan menangani dan menyelesaikan masalah-masalah asas dalam bidang muamalat dan ekonomi yang dihadapi oleh masyarakat Islam.

Dalam konteks ini, pemikiran ekonomi Islam yang berada di landasan *ijtihad* memberi pemahaman dan pengertian bahawa ia bukanlah *nas* Qur'an mahupun hadis yang sama sekali tidak boleh berada di taraf yang sama. Ini kerana kandungan Qur'an itu adalah *kalamullah*, dan kandungan hadis adalah perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat Rasul SAW ('Abd al-Rahman Yusra Ahmad, 1996:35); sedangkan pemikiran ekonomi Islam itu adalah bersumberkan daripada akal fikiran manusia sendiri yang cuba memahami kandungan Qur'an dan hadis dalam berhadapan dengan persoalan perekonomian.

Para sarjana Islam menguruskan isu-isu ekonomi melalui pelbagai perspektif dan pendekatan berdasarkan konteks disiplin pengajian yang berlainan sebagai suatu respons untuk memenuhi keperluan semasa dalam sejarah Islam. Senario ini diperihalkan oleh AbulHasan M. Sadeq (1992:1-2) kepada lima dimensi perbincangan ekonomi, iaitu perspektif pentafsir Qur'an, perspektif *fiqh*, perspektif sistem etika Islam, perspektif memenuhi keperluan semasa, dan analisis ekonomi sarjana Islam dan ahli falsafah Islam.

Setakat ini, penelitian terhadap sejumlah sumber literatur yang berkaitan mendapati bahawa keseluruhan senarai sarjana Islam yang menyumbangkan idea-idea dalam bidang pemikiran ekonomi Islam

adalah datang dari negara-negara Timur Tengah dan Asia Tengah; tidak ada seorangpun nama yang boleh dikaitkan dengan dunia Islam di sebelah Nusantara.

Kenyataan ini mencetuskan persoalan apakah dunia Nusantara tidak mempunyai tokoh ilmuwan yang berwibawa dalam bidang pemikiran ekonomi, sedangkan, menurut Azyumardi Azra (2003), sejarah merekodkan bahawa dunia Melayu Nusantara juga tidak kalah dalam melahirkan ramai ilmuwan Islam yang tersohor sejak dahulu lagi, lantaran mempunyai jaringan keilmuan yang antara Nusantara dengan ulama-ulama Timur Tengah yang wujud sejak separuh kedua abad ke 17M lagi. Justeru, penelitian kajian ini cuba meneroka perkembangan sejarah pemikiran ilmuwan Melayu-Nusantara yang banyak memberi pengaruh dan kesan terhadap proses momentum pengIslamisasian masyarakat Melayu di rantau Nusantara.

2. Pernyataan Masalah

Berdasarkan tinjauan latar belakang bidang pemikiran ekonomi dan hubungannya dengan dunia alam Melayu, adalah jelas menunjukkan bahawa belum ada lagi tulisan atau kajian yang secara terus, dinamik dan komprehensif mengaitkan Syeikh Daud al-Fatani termasuklah karya-karya dan manuskrip beliau dengan bidang pemikiran ekonomi. Sedangkan pandangan beliau dalam bidang ekonomi seperti muamalat Islam terkandung dalam kitab besarnya seperti yang terdapat dalam kitab *Furu' al-Masa'il*, belum diselidik, diteliti, dianalisis dan dinilai secara komprehensif dan eksklusif.

Justeru, kajian ini menyahut baik undangan ini dan sekaligus mengisi lompang akademik ini dengan meneroka dan mengenalpasti asas-asas kukuh untuk memetakan sumbangan Syeikh Daud al-Fatani dalam sejarah pemikiran ekonomi Islam, tanpa menafikan ketokohan beliau dalam bidang-bidang lain. Dengan lain perkataan, kajian ini dilaksanakan untuk merumuskan relevansi pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dalam kitabnya *Furu' al-Masa'il*, dengan akad perbankan Islam Malaysia.

Selanjutnya, tinjauan literatur mengenai Syeikh Daud al-Fatani dapat dirumuskan bahawa pada tahap awal era penulisan tersebut mempertunjukkan data dan fakta yang belum lengkap. Sebahagian data dan fakta ini pula tidak sama dan menimbulkan kekeliruan. Begitu juga kajian-kajian lepas mengenai pemikiran ekonomi Islam secara jelas

memberi isyarat bahawa bahan literatur dalam bidang ini dibanjiri dengan perbincangan mengenai ilmuwan-ilmuwan Islam dari pelbagai latar belakang akademik dalam rentang waktu yang panjang. Namun apabila diteliti dan diamati berkali-kali didapati bahawa garapan pemikir-pemikir Islam dalam bidang ini dari rantau Nusantara hampir-hampir tidak kelihatan. Senario ini mengundang seribu satu macam persoalan. Antaranya, adakah rantau Nusantara ini ketandusan pemikir-pemikir dalam bidang ekonomi? Persoalan ini perlu diambil perhatian dan tindakan, umpamanya dengan mengolah jaringan pemikiran ekonomi Islam dengan menghubungkan sumbangan ilmuwan Islam Nusantara dalam bidang ekonomi.

Sungguhpun terdapat pelbagai skop dan disiplin ilmu yang dibahaskan sekitar Syeikh Daud al-Fatani dan karya-karyanya, namun ia belum cukup untuk mewakili keseluruhan ketokohan dan kewibawaan beliau. Bahkan masih ada lagi sudut-sudut ilmiah lain yang belum diterokai. Sebagai contohnya, belum ada lagi tulisan atau kajian yang secara terus dan komprehensif mengaitkan pemikiran ekonomi tokoh ini.

Bertitik-tolak daripada kelompangan di atas membuka suatu lagi persoalan mengenai sejauhmana akad-akad muamalat yang dibawa oleh Syeikh Daud al-Fatani tadi menjadi amalan di peringkat institusi perniagaan terutamanya institusi perbankan Islam. Oleh itu, pada tahap ini timbulnya keperluan untuk mengenal pasti dan memerihai ciri-ciri akad perbankan Islam yang menjadi amalan Malaysia terutamanya di institusi perbankan Islam. Kemuncak kepada persoalan kajian ini adalah apakah dapatan daripada analisis relevansi pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dalam kitab *Furu' al-Masa'il* dengan amalan akad-akad muamalat dalam institusi perbankan Islam Malaysia.

Justeru, kajian ini mensasarkan lima objektif iaitu menjelaskan biografi Syeikh Daud al-Fatani; meneliti secara khusus bidang pemikiran ekonomi tokoh ini dari sudut konsep, evolusi, dan idea-idea; meneliti secara khusus kitab *Furu' al-Masa'il* dari sudut metode penulisan dan kandungan akad muamalat; menganalisis akad muamalat yang utama dalam perbankan Islam Malaysia; dan menganalisis secara kaedah relevansi akad muamalat menurut Syeikh Daud al-Fatani dengan akad perbankan Islam Malaysia.

3. Tinjauan Literatur

Dalam kajian ini, terdapat dua tema utama sebagai domain kajian iaitu 'Syeikh Daud al-Fatani' sebagai tokoh kajian dan 'pemikiran ekonomi

Islam' sebagai bidang kajian. Kajian lepas mengenai tokoh ini boleh dikelompokkan kepada 9 kategori berikut:

Pertama, penonjolan ketokohan dan kehebatan ulama Patani sebagaimana dilakukan oleh V. Matheson dan M.B. Hooker (1988), Wan Mohd. Shaghir (2001), dan Ahmad Fathy al-Fatani (2002).

Kedua, pendekatan biografi Syeikh Daud al-Fatani *per se* seperti yang dilakukan oleh Abdullah al-Qariy (1957), Wan Mohd. Shaghir (1977, 2003), P. Voorhoeve (1983), Mohd. Mokhtar Shafii (2005), dan Mohd Adli Saari (2005).

Ketiga, Syeikh Daud al-Fatani juga diulas dan dibincangkan daripada perspektif pengkaryaan atau kepengarangan seperti yang dilakukan oleh Wan Mohd. Shaghir (1990a,b,c, 1991a), Engku Ibrahim Ismail (1992), Ismail Che Daud (1992), Mohamad @ Md. Som Sujimon dan Wan Sabri bin Wan Yusoff (2003), dan Francis R. Bradley (2007).

Keempat, kajian pemikiran, sumbangan atau penglibatan Syeikh Daud al-Fatani dalam bidang bahasa seperti sudut penggunaan gaya bahasa, peristilahan *fiqh* dan kesusasteraan Melayu klasik, sebagaimana yang terdapat dalam Wan Mohd. Shaghir (1991b,c, 1998), Mohammad Zaini bin Yahya *et al.* (2001), Abu Hassan Sham (1991), dan Maheran Ahmad dan Zamri Arifin (2001).

Kelima, pendekatan analisis terhadap kandungan kitab karya Syeikh Daud al-Fatani turut digunakan sebagaimana dilakukan oleh Wan Mohd. Shaghir (1991d, 2005a,b,c, 2006a,b), Abdullah Haji Said (1998), Abd Razak bin Samsudin @ Mansor (2002), Mohd. Zain Abd. Rahman (2005), Marwazi Dziyauddin (2005), Fadell Hayeeharasah (2009), Amir Yusoff (2006), dan Mohd Anuar Ramli (2010).

Keenam, sumbangan Syeikh Daud al-Fatani dalam bidang aqidah dan tasawuf juga dibahaskan oleh beberapa penyelidik seperti Wan Mohd. Shaghir (1991e), Abd. Aziz Haji Ismail (1991), Nik Padzil Nik Abd. Samad (1998), Uthman al-Muhammadi (1991), Wan Kamaruzaman Wan Drahan (1995), Faudzinaim Badaruddin (2001), Che Zarrina Sa'ari (2001), dan Sulaiman Ibrahim (2001).


Ketujuh, terdapat juga penyelidik yang mengaitkan Syeikh Daud al-Fatani dengan bidang tafsir Qur'an seperti Sharifah Radziah Wan Mohamad Affandi (2005), Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari (2008), Fauzi Derahman (1997), Asidawati binti Che Hamad (2000), Mazlan bin Sidek (2004), Rosni Wazir (2006), Ahamad Asmadi dan Azwira Abdul Aziz (2001).

Kelapan, Syeikh Daud al-Fatani juga dikaji dari aspek isu politik dan aspek penglibatan sebagai pendidik dan pendakwah seperti tulisan

Kamarudin Haji Salleh dan Mazlan Ibrahim (2001), Fatimah Ali (1991), dan Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti (1991).

Kesembilan, tokoh ini juga dikaji dari sudut sumbangannya dalam bidang muamalat Islam sebagaimana ditulis oleh Joni Tamkin Borhan (2001,2002).

Rumusan sembilan kategori kajian lepas mengenai tokoh ini boleh diringkaskan melalui jadual di bawah:



Sementara dalam konteks pemikiran ekonomi Islam tidak terlepas daripada perbincangan pelbagai idea ekonomi yang diwariskan daripada generasi ahli fikir Islam yang terdahulu, bahkan khazanah dan warisan tulisan mereka dapat memberi dan menunjuk struktur dan peringkat perkembangan evolusi pemikiran ekonomi Islam. Sehubungan itu, penyelidik hanya membataskan khazanah tulisan utama dalam pemikiran ekonomi Islam, dalam bahasa Inggeris dan Melayu, yang bersifat kontemporari sahaja iaitu bermula dengan period tahun 1970an, diikuti dengan period 1980an, period 1990an, dan period 2000an.


Period pertama (tahun 1970an), pada peringkat ini terdapat tulisan yang mengetengahkan perbincangan mengenai pemikiran ekonomi Islam, umpamanya tulisan Muhammad Abdul-Rauf (1979).

Period kedua (tahun 1980an) pula menyaksikan perkembangan menarik dalam perkembangan pemikiran ekonomi Islam melalui penghasilan penulisan yang komprehensif seperti tulisan M.N. Siddiqi (1980, 1982), Homo Katouzian (1986), Timur Kuran (1986, 1989).

Period ketiga (tahun 1990an) pula mendapati terdapat ramai penulis yang mengupas mengenai pemikiran ekonomi Islam termasuklah Mohamed Aslam Mohamed Haneef (1990), Zohreh Ahghari (1991), M.N. Siddiqi (1991), Aidit Ghazali (1991), Jomo K.S. (1991), AbulHasan M. Sadeq dan Aidit Ghazali (1992), dan Joni Tamkin Borhan (1999).

Period keempat (tahun 2000an), masih lagi menunjukkan sambutan yang baik dalam penghasilan karya mengenai bidang pemikiran ekonomi Islam dan sekitarnya, umpamanya tulisan Joni Tamkin Borhan (2000, 2008), Adiwarmanto Azwar Karim (2001), Euis Amalia (2005), Ezani Yaakub (2009), Asmak Ab. Rahman (2004), Abdul Azim Islahi (2008).

Rumusan tinjauan kajian lepas bagi pemikiran ekonomi Islam secara rentang waktu bermula awal 1970an hingga dekad 2000an dapat diringkaskan melalui jadual di bawah:



Kesimpulannya, berdasarkan periodisasi 1970 hingga 2010 ini menggambarkan garapan penulisan mengenai pemikiran ekonomi Islam boleh dirumuskan kepada dua dimensi utama penelitian iaitu tokoh ilmuan Islam dan isu atau tema ekonomi tertentu.

4. Metodologi Kajian

Dalam proses pengumpulan data, kajian ini bergantung hampir sepenuhnya kepada metode dokumentasi. Dokumen-dokumen seperti buku, kamus, ensiklopedia, jurnal, disertasi ilmiah dan kertas kerja persidangan dirujuk khususnya bagi mendapatkan fakta-fakta tepat tentang hal-hal yang berkaitan dengan biografi Syeikh Daud al-Fatani, sumbangan dalam *fiqh*, latar belakang kitab *Furu' al-Masa'il*, dan perkara-perkara lain yang relevan.

Sementara dalam menganalisis data pula, penyelidik berpandukan kepada metode penganalisan data yang bersifat kualitatif. Kategori metode ini diaplikasikan melalui beberapa kaedah analisa data. Antaranya ialah kaedah biografi ilmiah, kaedah tekstologi, kaedah analisis kandungan, dan kaedah analisis relevansi.

5. Analisa dan Perbincangan

Kajian ini boleh dirumuskan kepada lima hasil utama berdasarkan lima objektif yang disasarkan sebagaimana berikut:

Pertama, analisis mengenai biografi Syeikh Daud al-Fatani dari pelbagai sudut menunjukkan beliau adalah seorang ulama Melayu Nusantara yang terbilang sepanjang zaman, yang mempunyai kekuatan dan keistimewaan yang boleh dirumuskan kepada dua kata kunci, iaitu aspek *rihlah 'ilmiyyah*, dan aspek kepengarangan.

Konsep dan aktiviti *rihlah 'ilmiyyah* sangat tepat bagi mengidentifikasikan perjalanan dan pengembaraan Syeikh Daud al-Fatani dalam menuntut ilmu dan menyebarkannya kembali kepada masyarakat Islam. Beliau mengharungi *rihlah 'ilmiyyah* dalam tempoh sekurang-kurangnya 37 tahun dan mengaji di pusat tumpuan pengajian Islam ketika itu, iaitu Aceh (2 tahun), kemudian ke Mekah (30 tahun) dan Madinah (5 tahun). Beliau berpeluang menuntut ilmu dengan ulama yang masyhur seperti Syeikh Muhammad 'Abd al-Karim al-Madani, Syeikh 'Abdulah al-Syarqawi, dan lain-lain. Beliau juga telah bertemu dengan rakan seperjuangan dari seluruh pelusuk dunia khususnya dari rantau Nusantara seperti Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh 'Abd al-Samad al-Palimbani dan lain-lain.

Manakala aspek kepengarangan, dengan kelebihan dan penguasaan ilmu pengetahuan yang mantap, beliau dianggap sebagai ulama pengarang kitab yang produktif dan prolifik. Beliau juga dianggap sebagai ulama Melayu yang paling banyak menghasilkan karangan dalam bahasa Melayu, sekaligus yang paling besar pengaruhnya di seluruh dunia Melayu dengan jarak waktu yang relatif paling lama masih tetap diajarkan. Kajian ini berjaya mengenal pasti karya beliau berjumlah 69 judul dalam pelbagai bidang, iaitu tauhid (13 judul), fiqh (22 judul), tasawuf (13 judul), sejarah (8 judul) dan pelbagai bidang (13 judul).

Kedua, kajian ini juga meneliti secara khusus bidang pemikiran ekonomi Islam dari sudut konsep, evolusi, idea-idea dan tokoh. Perbincangan pelbagai sudut ini boleh dirumuskan kepada dua kata kunci, iaitu aspek landasan ijtihad, dan aspek kemantapan idea dan kebijaksanaan sarjana.

Kajian ini mendapati bahawa bidang pemikiran ekonomi Islam juga dihasilkan melalui proses ijtihad para sarjana Islam sebagai maklum balas daripada cabaran-cabaran ekonomi pada zaman mereka. Sudah tentu, intipati pemikiran ekonomi ini adalah berasaskan kepada pedoman Qur'an dan sunnah, begitu juga panduan penaakulan dan pengalaman.

Hasil pemikiran ekonomi ini adalah diperakui sebagai pemikiran ekonomi Islam yang sah selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip asasi dalam ajaran Islam. Ia juga menjelaskan bahawa pemikiran ekonomi Islam jelas menolak sesuatu pemikiran yang hanya tersudut kepada penggunaan akal semata-mata, atau menafikan secara tuntas penggunaan akal.

Lanjutan daripada rumusan aspek pemikiran ekonomi yang berasaskan landasan ijtihad juga berkaitan dengan aspek rumusan kedua iaitu aspek kemantapan idea dan kebijaksanaan sarjana. Dalam hal ini, kemunculan benih-benih pemikiran konvensional tidak bermula sebelum abad ke 17M, sedangkan analisis-analisis ekonomi dalam tulisan sarjana Islam pula sudahpun berkembang beberapa abad sebelum abad ke 17M. Bahkan terdapat beberapa institusi, amalan dan konsep ekonomi yang telahpun dibangunkan sepenuhnya dalam sumber perundangan Islam pada lewat abad ke 8H yang belumpun wujud di Eropah sehingga beberapa abad terkemudian. Ini menunjukkan bahawa sumbangan sarjana Islam sebagai perintis dalam bidang pemikiran ekonomi memang tidak boleh dinafikan, bahkan amat wajar ia diberi pengiktirafan yang sewajarnya.

Namun, dengan peredaran zaman, dunia Islam mengalami kemunduran, sementara dunia Barat mencapai kemodenan, lalu membentuk pandangan baru, walaupun tidak tepat tetapi dianggap betul, dalam watak dan perwatakan dalam kelahiran dan perkembangan pemikiran ekonomi. Mereka menanggapi bahawa keaslian (*originality*) idea-idea pemikiran ekonomi adalah cetusan daripada sarjana Barat semata-mata. Bahkan golongan ini menafikan kewujudan dan sumbangan dalam pemikiran ekonomi daripada sarjana Islam. Senario ini boleh dikaitkan dengan alasan bias *eurocentrisme* yang mendorong agar pemahaman tentang ekonomi hendaklah menggunakan pendekatan perspektif barat (Arif Hoeoro, 2007:4,23-25). Justeru, khazanah intelektual dalam sejarah pemikiran ekonomi Islam adalah amat wajar dikenal pasti, dijejaki dan dibongkari dengan mengambil kira faktor kesinambungan sejarah (*historical continuity*) dalam memahami periodisasi pemikiran ekonomi dari perspektif Islam.

Ketiga, analisis khusus terhadap kitab *Furu' al-Masa'il* karya Syeikh Daud al-Fatani dengan menumpukan kepada pengenalanpastian metode penulisan fiqh, perumusan ciri umum akad muamalat, dan pengenalanpastian konsep ekonomi. Syeikh Daud al-Fatani merupakan seorang ulama tersohor di Alam Melayu pada waktunya hingga sekarang yang telah memberikan sumbangan dan warisan yang besar dalam

pelbagai bidang termasuk fiqh muamalat. Sementara karyanya, *Furu' al-Masa'il*, merupakan sebuah karya agama yang dianggap sebagai karya agung dalam bidang fiqh pada zaman kemunculannya.

Selain itu, kajian ini telah memerihalkan ciri dan asas perbincangan hukum dalam 28 tajuk akad muamalat yang dipersembahkan oleh Syeikh Daud al-Fatani dengan dinamik dan terperinci yang mempunyai kesinambungan dengan kitab-kitab muktabar fuqaha Syafi'i, lantas melonjakkan populariti kitab ini dan masih berterusan dirujuk, diteliti dan dikaji sehingga mutakhir ini.

Manakala aspek konsep ekonomi pula menganalisis tiga fungsi ekonomi iaitu penggunaan, pengeluaran dan pengagihan. Daripada tiga fungsi ini pula dijadikan asas pengenalanpastian konsep-konsep ekonomi yang progresif yang terkandung dalam korpus kajian. Hasilnya, terdapat sejumlah 20 konsep ekonomi yang dikenalpasti, yang terdiri daripada (i) konsep keutamaan dalam ekonomi; (ii) konsep kerja/usaha; (iii) konsep modal; (iv) konsep penjanaan keuntungan; (v) konsep pengagihan keuntungan; (vi) konsep usaha sama projek pertanian; (vii) konsep penerokaan tanah; (viii) konsep tegahan *riba*; (ix) konsep tawaran umum; (x) konsep tanda harga; (xi) konsep kebebasan mengurus-niaga jual beli; (xii) konsep cara penggunaan yang sah; (xiii) konsep timbang tara; (xiv) konsep melindungi hak pengguna; (xv) konsep jaminan hak pengguna dalam jual beli; (xvi) konsep kuasa pilihan; (xvii) konsep potongan harga; (xviii) konsep tegahan sorokan; (xix) konsep akad (kontrak); dan (xx) konsep pinjaman kebajikan.

Keempat, kajian ini juga meneliti secara khusus akad muamalat yang utama dalam perbankan Islam Malaysia. Pada analisis ini dapat dirumuskan kepada dua kata kunci iaitu aspek penubuhan institusi perbankan Islam, dan aspek menolak *riba*, mengembang akad muamalat.

Sejak dari zaman sebelum kemerdekaan lagi, terdapat kecenderungan masyarakat Islam di Tanah Melayu yang menekankan konsep *halalan tayyiban* dalam urusan muamalat khususnya dalam transaksi jual-beli dan simpanan. Hal ini dapat dibuktikan dari amalan bakal haji yang membuat simpanan, yang kemudiannya dana simpanan ini dibuat pelaburan dalam hartanah dan peladangan yang mengikut prinsip syariat Islam. Selain itu, masyarakat Islam juga berusaha menghindarkan diri daripada terjebak dalam amalan *riba* dalam urusan transaksi jual beli; umpamanya menerusi amalan jual janji (*bay' al-wafa'*) bagi mendapatkan kemudahan kredit (hutang).

Sementara selepas kemerdekaan negara, momentum kecenderungan dan komitmen tinggi serta semangat kembali kepada

agama Islam menular dalam kalangan cerdik pandai di Malaysia telah menimbulkan kesedaran masyarakat Islam untuk mencari alternatif bagi memudahkan dan menggalakkan orang Islam menunaikan fardu haji dengan hasil usaha yang halal dan suci yang bebas daripada amalan *riba*. Dari sinilah bermulanya kemunculan rasmi institusi kewangan dan perbankan tanpa *riba* yang berasaskan kepada akad-akad muamalat, yang bermula dengan penubuhan Pejabat Urusan Haji (1951), dan Perbadanan Wang Simpanan Haji (1962), yang kemudiannya kedua institusi ini digabungkan menjadi Lembaga Urusan dan Tabung Haji (1969).

Manakala rumusan kedua pula disimpulkan dengan kata kunci 'menolak *riba*, mengembang akad'. Dalam hal ini, penolakan doktrin dan amalan *riba* dan bentuk-bentuk transaksi yang ditegah yang lain dalam sistem perbankan Islam bukanlah berupa sekatan atau penyempitan dalam dunia perniagaan, tetapi hendaklah dilihat sebagai membuka ruang dan peluang dimensi baru dan prospek yang besar dalam perbankan moden yang berasaskan akad muamalat.

Dalam hal ini juga, pihak kerajaan melalui BNM mensasarkan kewujudan instrumen kewangan yang luas dan variasi sebagai salah satu objektif jangka panjang untuk membentuk sistem perbankan Islam yang selari dengan sistem perbankan konvensional di Malaysia. Komitmen ini juga diberi penegasan dan dimasukkan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan 2001-2010, yang menggariskan salah satu sasarannya adalah industri perbankan Islam dan takaful hendaklah menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dan lengkap menjelang 2010.

Apa yang menariknya ialah walaupun hanya terdapat 20 jenis akad muamalat yang utama, namun teori dan konsep akad muamalat tersebut berjaya dikembangkan untuk membentuk instrumen kewangan bagi memenuhi pelbagai tingkat keperluan pelanggan. Ini berlaku kerana hasil kreativiti *engineering* para ulama dan ahli ekonomi Islam yang berjihad dalam menghasilkan jenama baru kepada produk perbankan Islam dengan berasaskan khazanah perbendaharaan fiqh muamalat.

Kelima, bahagian ini menggunakan analisis relevansi akad muamalat menurut Syeikh Daud al-Fatani dengan akad muamalat perbankan Islam Malaysia. Ia boleh dirumuskan kepada dua kata kunci yang merupakan dua aspek relevansi yang utama iaitu aspek kefahaman dan definisi, dan aspek aplikasi.

Dalam analisis relevansi ini, jenis akad muamalat yang dipilih untuk penelitian adalah mempunyai ciri hubungan relevansi secara langsung sahaja antara dua kelompok tersebut. Oleh itu, jenis-jenis akad

muamalat yang termasuk dalam klasifikasi ini terdiri daripada 12 jenis akad muamalat. Klasifikasi akad yang mempunyai ciri saling berelenvansi ini boleh dibahagikan kepada 4 kategori, iaitu: kategori akad preliminari: akad jual beli dan *riba*; kategori akad perdagangan: *murabahah*, *bay' al-salam* dan *ijarah*; kategori akad perkongsian: *musyarakah* dan *mudarabah*; dan kategori akad sokongan: *hiwalah*, *qard*, *wakalah*, *wadi'ah*, dan *rahn*.

Sebagai kesimpulannya, kajian ini telah memperoleh lima penemuan penting mengenai pemikiran ekonomi Syeikh Daud al-Fatani dalam *Furu' al-Masa'il* dan aspek-aspek relevansinya dengan amalan perbankan Islam Malaysia.

6. Rujukan

- 'Abd al-Rahman Yusra Ahmad (1996). *Tatawwur al-Fikr al-Iqtisad*. Iskandariyah: al-Dar al Jam'iyah 'Abd al-Rahman.
- Abd Aziz Haji Ismail (1991). Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani Dalam Aqidah di Nusantara. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Abd Razak bin Samsudin @ Mansor (2002). *Tahqiq dan Penulisan Semula Kitab Kifayat al-Muhtaj fi Isra' wa al-Mi'raj*, (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM).
- Abdullah al-Qariy (1957). Pujangga Syeikh Daud al-Fatani. *Majalah Dian*, Bil. 10, h. 138.
- Abdullah Haji Said (1998). *Kajian (Tahqiq) Secara Perbandingan Beberapa Manuskrip Lama Tulisan Sheikh Daud al-Fatani (1769-1847H)*, (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM).
- Abu Hasan Din al-Hafiz (2010). *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il Maulana al-Syeikh Daud bin Abdulla al-Fathani*, (versi tulisan rumi dan bahasa Melayu moden), Cet. 1. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Sham (1999). Pengaruh Karya-karya Syeikh Daud Fathani Dalam Sastera Melayu. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Ahamad Asmadi Sakat & Azwira Abdul Aziz (2001). Tinjauan Perlaksanaan Pengkaedahan Hadith Dalam Beberapa Karya Terjemahan Sheikh Daud al-Fatani. Kertas Kerja Nadwah Ulama

- Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Ahghari, Zohreh (1991). *The Origin and Evolution of Islamic Economic Thought*. Tesis PhD, Jabatan Ekonomi, The Florida State University.
- Ahmad Fathy al-Fatani (2002). *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Aidit Ghazali (1991). *Islamic Thinkers on Economics, Administration and Transactions*. Kuala Lumpur: Quill Publishers.
- Al Kaaf, Abdullah Zaky (2002). *Ekonomi Dalam Perspektif Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Amir Yusoff (2006). Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap Penulisan al-Shaykh Ibn Dawud ‘Abd Allah al-Fatani Dalam Kitab Baghiyyah al-Tullab li Murid Ma‘rifah al-Ahkam bi al-Sawab. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Arif Hoetoro (2007). *Ekonomi Islam: Pengantar Analisis Kesejarahan dan Metodologi*. Malang, Indonesia: Badan Penerbit Fakultas Universitas Brawijaya.
- Asidawati binti Che Hamad (2000). *Hadith-hadith Dalam Kitab Nahj al-Raghibin wa Sabil al-Muttaqin Oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Takhrij dan Ulasan*. Kertas Projek Sarjana Muda Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Asmak Ab. Rahman (2004). *Pemikiran Ekonomi Islam Dalam Bidang Pertanian dan Amalannya di Malaysia*. Tesis PhD, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya.
- Azyumardi Azra (2003). Jaringan Ulama Jawi: Sejarah Wacana Religio-Intelektual Islam Nusantara. dlm. Farid Mat Zain dan Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad (eds.), *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II, Sumbangan Ulama dan Tokoh Agama Borneo*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, h. 97-98.
- Bradley, Francis R. (2007). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani's Writing Contained in the National Library of Malaysia. *Jurnal Filologi Melayu*. Jld. 15, h. 121-141.
- Che Zarrina Sa'ari (2001). Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan Penglibatannya Dalam Tareqat Shattariyyah. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.

- Engku Ibrahim Ismail (1991). Syeikh Dawud al-Fatani: Satu Analisis Peranan dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam di Nusantara. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Euis Amalia (2005). *Sejarah Pemikiran Ekonomi Islam Dari Masa Klasik Hingga Kontemporer*. Jakarta: Pustaka Asatruss.
- Ezani Yaakub (2009). *Beberapa Aspek Pemikiran Ekonomi & Kewangan Islam*. Shah Alam: UPENA UiTM.
- Fadell Hayeeharashah (2009). *Kitab Mun-yat al-Musalli: Analisis Tema Dalam Konteks Tautan, Maklumat dan Subjek*. Disertasi Sarjana Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Fatimah Ali (1991). Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani Sebagai Tokoh Pendidik dan Penda'wah. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Faudzinaim Badaruddin (2001). Syeikh Daud al-Fatani dan Tasawuf. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Fauzi Derahman (1997). *Kedudukan Hadith Dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy*. Tesis PhD, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ghazanfar, S.M. (2003). Scholastic Economics and Arab Scholars. dlm. Ghazanfar, S.M. (ed.), *Medieval Islamic Economic Thought: Filling the "Great Gap" in European Economics*. London: RoutledgeCurzon, h. 6-22.
- Islahi, Abdul Azim (2008). Aspects of Muslim Economic Thinking in the Eleventh Century (AH)/Seventeenth Century (CE). *Review of Islamic Economics*. Vol.12, No.2, h. 177-189.
- Ismail Che Daud (1992). *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Jomo K.S. (1991). *Islamic Economics: Contemporary Ulama Perspectives*. Kuala Lumpur: Iqra'.
- Joni Tamkin Borhan (1999). A Survey of the Development of Islamic Economics Thought. *Jurnal Usuluddin*, Bil. 10, h. 63-80.
- _____ (2000). Pemikiran Perbankan Islam: Sejarah dan Perkembangannya. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 12, h. 105-128.

- _____ (2001). Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Fiqh al-Mu'amalah: Tumpuan Kepada Furu' al-Masa'il. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- _____ (2002). Beberapa Aspek Pemikiran Syeikh Daud bin 'Abdullah Al-Fatani Dalam Perbankan Islam: Tumpuan Kepada Furu' al-Masa'il. *Jurnal AFKAR*. Bil. 9, Mei-Jun, h. 195-211.
- _____ (2008). Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 27, h. 93-107.
- _____ dan Che Zarrina Sa'ari (2008). Sistem Perbankan Islam Berteraskan al-Qur'an: Tumpuan Terhadap Beberapa Aspek Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Muamalah Islam Dalam Kitabnya *Furu' al-Masa'il*. *Prosiding Seminar Warisan al-Qur'an & al-Hadis Nusantara*, 27-28 Ogos, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, h. 30-43.
- Kamarudin Haji Salleh dan Mazlan Ibrahim (2001). Isu-isu Politik Dalam Pemikiran Syeikh Daud dan Syeikh Ahmad al-Fatani: Satu Analisis. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Katouzian, Homo (1983). Shi'ism and Islamic Economics: Sadr and Bani Sadr. dlm. Nikki R. Keddie (ed.), *Religion and Politics in Iran: Shi'ism from Quietism to Revolution*. New Haven & London: Yale University Press, h. 145-165.
- Kuran, Timur (1986). The Economic System in Contemporary Islamic Thought: Interpretation and Assessment. *International Journal of Middle East Studies*, Vol. 18, No. 2 (Mei), Cambridge University Press, h. 135-164.
- _____ (1989). On the Notion of Economic Justice in Contemporary Islamic Thought. *International Journal of Middle East Studies*. Vol. 21, No. 2 (Mei), Cambridge University Press, h. 171-191.
- Maheran Ahmad dan Zamri Arifin (2001). Syaikh Daud al-Fatani dan Terjemahan: Kajian Laras Bahasa Dalam Manuskrip Idah al-Albab li Murid al-Nikah bi al-Sawab. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Marwazi Dziauddin (2005). *Tahqiq Kitab: Munnyah al-Musalli Karangan al-Alim al-Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani*. Disertasi

- Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Matheson, V. dan Hooker, M.B. (1988). Jawi Literature in Patani: The Maintenance of an Islamic Tradition. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. Vol. 61, Part 1, No. 254, h. 1-86.
- Mazlan bin Sidek (2004). *Hadis Dalam Kitab al-Durr al-Thamin Karangan Syeikh Daud al-Fatani: Takhrij dan Analisis*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohamad @ Md. Som Sujimon dan Wan Sabri bin Wan Yusoff (2003). Sheikh Da'ud al-Fatani's Contribution to Muslim Scholarship in Malaysia. *Monograph on Selected Malay Intellectuals*. Kuala Lumpur: Research Centre IIUM, h. 1-39.
- Mohamed Aslam Mohamed Haneef (1990). *Contemporary Islamic Economic Thought: A Comparative Analysis*. Disertasi Sarjana Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Mohammad Zaini bin Yahya *et al.* (2001). Penulisan Fiqh Sheikh Daud al-Fatani. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Mohd Adli Saari (2005). *Rihlah Ilmiah Syeikh Wan Dawud bin Wan Abdallah al-Fatani: Satu Analisis Sejarah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Anuar Ramli (2010). *Analisis Gender Dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu*. Tesis PhD, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Fakhruddin Abdul Mukti (1991). As-Syeikh Daud al-Fathani (w.1265-1847) dan Isu-isu Semasa. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- Mohd. Mokhtar Shafii (2005). *Sheikh Daud Al Fatani: His Life History and Works*, Monograph. Kajang Selangor: Academy for Civilization Studies, Kolej Dar al-Hikmah.
- Mohd. Zain Abd. Rahman (2005). Shaykh Dawud al-Fatani's Manhal al-Safi: An Annotated Translation. *Jurnal AFKAR*. Bil. 6, h. 77-118.
- Muhammad Abdul-Rauf (1979). *The Islamic Doctrine of Economics and Contemporary Economic Thought*. Washington DC: American Enterprise Institute for Public Policy Research.

- Nik Padzil Nik Abd. Samad (1998). *Pemikiran Syeikh Daud Dalam Aqidah: Tumpuan Kepada Kitab al-Durr al-Thamin*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Rosni Wazir (2006), *Hadis-hadis Dalam Kasf al-Ghummah Juzuk Pertama Karya Syeikh Daud al-Fatani: Takhrij dan Ulasan*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sadeq, AbulHasan M. dan Aidit Ghazali (1992). *Readings in Islamic Economic Thought*. Selangor: Longman Malaysia.
- Sadeq, AbulHasan M. (1992). Introduction: Islamic Economic Thought. dlm. Sadeq, AbulHasan M. dan Aidit Ghazali, *Readings in Islamic Economic Thought*. Selangor: Longman Malaysia.
- Sharifah Radziah Wan Mohamad Affandi (2005). *Tafsir al-Quran di Alam Melayu: Kajian Terhadap Tafsir Surah Maryam Karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Ward Al-Zawahir*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siddiqi, M.N. (1980). Muslim Economic Thinking, A Survey of Contemporary Literature. dlm. Khurshid Ahmad *et al.*, *Studies in Islamic Economics*. Leicester UK: The Islamic Foundation, h. 191-315.
- _____ (1981). *Muslim Economic Thinking, A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- _____ (1982). *Recent Works on History of Economics Thought in Islam, A Survey*. Jeddah, Saudi Arabia: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdulaziz University.
- _____ (1991). Islamic Economic Thought: Foundation, Evaluation and Needed Direction. dlm. Sadeq, AbulHasan M. *et al.*, *Development & Finance in Islam*. Kuala Lumpur: International Islamic University Press, h. 21-39.
- Sulaiman Ibrahim (2001). Shaykh Dawud al-Fatani dan Pengaruhnya Dalam Penyebaran Tereqat Shatariyyah di Nusantara. Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001.
- Uthman al-Muhammadi (1991). Sejarah Pemikiran Syeikh Daud al-Fatani Dalam Ilmu Tasawwuf. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.

- Voorhoeve, P. (1983). Art. Dawud b. ‘Abd Allah b. Idris al-Fatani or Pattani. B. Lewis, Ch. Pellat & J. Schacht *et al.*, *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. II (C-G), Cet. Ulangan Kedua. Leiden: E.J. Brill, h. 183.
- Wan Kamaruzaman Wan Drahman (1995). *Sumbangan Syeikh Daud al-Fataniyy Dalam Tasawwuf: Satu Kajian Khusus Terhadap Kitab al-Manhal al-Sofiyy fi Bayan Ramz Ahl al-Suffiyy*. Latihan Ilmiah, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Wan Mohd. Shaghir (1977). Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *Majalah DIAN Daijes*, Bil. 97 (Februari-Mac), Kota Bharu, h. 103-113.
- _____ (1990a). *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Ulama dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: HIZBI.
- _____ (1990b). Pendokumentasian Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah Al Fatani Yang Belum Pernah Dicitak. (Bhgn. 1), *Jurnal Dewan Bahasa*, Jld. 34 Bil. 11, November, h. 857-864.
- _____ (1990c). Pendokumentasian Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah Al Fatani Yang Belum Pernah Dicitak. (Bhgn 2), Jld. 34 Bil. 12, Disember, h. 966-974.
- _____ (1991a). Sejarah Rengkas Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani dan Karya-karyanya. Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Keempat di Pusat Islam Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991.
- _____ (1991b). Mengkaji Gaya Bahasa Dalam Kitab Furu‘ al-Masa’il Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jld. 35 Bil. 1, Januari, h. 58-68.
- _____ (1991c). Mengenal Pelbagai Peristilahan Feqah dan Gaya Bahasa Dalam Kitab Bughyah at Tullab Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jld. 35 Bil. 3, Mac, h. 252-261.
- _____ (1991d). Mengkaji Kandungan Kitab Hidayah al Muta‘allim Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jld. 35 Bil. 4, April, h. 339-349.
- _____ (1991e). Warduz Zawahir: Kitab Usuluddin Yang Terbesar di Dunia Melayu Karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jld. 35 Bil. 10, Oktober, h. 912-923.
- _____ (1998). Peranan dan Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional di Jabatan Persuratan Melayu UKM, 2-3 September 1998.

- _____ (2001). Ulama-ulama Patani: Satu Paparan Mengenai Ketokohan dan Karya Mereka. (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, 19-20 Mei 2001).
- _____ (2003). Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Kertas Kerja Majlis Tazkirah Tokoh dan Ulama Islam Kali Ke II di Jabatan Agama Johor, 28 April 2003. h. 1-47.
- _____ (2005a). Bughyah ath-Tullab Kitab Fiqh Bahagian Ibadah. *Berita Harian*, 23 Ogos, h. 15.
- _____ (2005b). Jam' u al-Fawa'id Sarana Pencapaian Kebahagiaan. *Berita Harian*, 30 Ogos, h. 19.
- _____ (2005c). Manhal ash-Shafi Rumuz dan Istilah Shufi. *Berita Harian*, 20 September, h. 17.
- _____ (2006a). Fath Mannan Syarah Matn Zubab Melayu. *Berita Harian*, 3 Mac, h. 21.
- _____ (2006b). Hidayah al-Muta'allim: Fiqh Lengkap Yang Pertama. *Berita Harian*, 12 September, h. 23.